

Perumahan (2010 - 2013):

Borneo Post:

Tiga lokasi pembangunan perumahan di bawah PR1MA dikenal pasti

November 18, 2013, Monday

KUCHING: Tiga lokasi strategik di kawasan bandar di negeri ini dikenal pasti sebagai lokasi tumpuan bagi pembangunan perumahan mampu milik di bawah projek Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA), kata Menteri Perumahan Datuk Amar Abang Johari Tun Abang Openg. Menurutnya, Kementerian Perumahan mengenal pasti tiga bandar yang menjadi tumpuan pembinaan rumah mampu milik itu termasuk Kuching (Petra Jaya), Sibul (Kampung Nangka) dan Miri (Permyjaya). "Bagi seluruh daerah di negeri ini, tiga kawasan telah kami kenal pasti sebagai kawasan bandar yang strategik untuk membangunkan perumahan mampu milik di bawah projek PR1MA ini. "Kuching, Sibul dan Miri menjadi tiga lokasi utama bagi pembangunan perumahan ini," katanya ketika ditemui selepas menyerahkan topi keledar kepada murid sekolah pada Program Kempen Keselamatan Berbasikal di sini, semalam. Menurut beliau, pembangunan projek tersebut bertujuan memberi peluang kepada golongan graduan atau pasangan yang baharu mendirikan rumah tangga untuk memiliki rumah mampu milik di kawasan bandar.

Selain itu, Abang Johari berkata pihaknya menjadikan program tersebut sebagai salah satu usaha bagi membantu golongan berpendapatan rendah dan sederhana memiliki rumah sendiri. "Kami mahu lebih ramai graduan yang baharu mula bekerja atau baharu berumah tangga memiliki rumah dengan pendapatan sedia ada. "Justeru, mereka tidak perlu bimbang akan kekangan untuk memiliki rumah yang kini dibimbangi susah untuk dimiliki kerana harga yang tinggi," ujarnya. Mengulas mengenai jumlah unit yang bakal dibina, beliau berkata, kerajaan dijangka akan membina 8,000 ke 10,000 unit rumah mampu milik dalam tempoh dua tahun bermula 2014.

Sementara itu, pada program tersebut, Abang Johari turut berkesempatan mengedar topi keledar basikal kepada murid Sekolah Kebangsaan (SK) Merpati Jepang, SK Rakyat Bolhassan dan SK Combined. Program tersebut merupakan anjuran bersama Kelab Sukan Komuniti (KSK) Satok, Pergerakan Pemuda Parti Pesaka Bumiputera Bersatu Sarawak (PBB) Cawangan Satok, Jabatan Keselamatan Jalan Raya Malaysia dan Jabatan Belia dan Sukan Negeri. Ia bertujuan mempromosi keselamatan jalan raya kepada murid terutama ketika menunggang basikal ke sekolah.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2013/11/18/tiga-lokasi-pembangunan-perumahan-di-bawah-pr1ma-dikenal-pasti/#ixzz3x0xKCXhN>

Kerajaan pusat bertekad bantu penuhi keperluan perumahan rakyat Sarawak

September 3, 2013, Tuesday



PENUHI KEPERLUAN PERUMAHAN: Abdul Rahman dan Abang Johari merakam kenangan bersama rombongan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan agensi berkaitan di pintu utama Wisma Sultan Tengah semalam.

KUCHING: Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan bertekad membantu negeri Sarawak memenuhi keperluan perumahan mampu milik untuk rakyatnya. Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Abdul Rahman Dahlan memberitahu bahawa kerajaan pusat amat komited untuk memenuhi keperluan tersebut secepat mungkin melalui pelaksanaan oleh Jabatan Perumahan Negara (JPN). “Kerajaan pusat bukan sahaja menumpukan kepada penyediaan rumah kos rendah malah bertekad untuk menyediakan rumah mampu milik di negeri Sarawak,” ujar Abdul Rahman ketika sidang media selepas melakukan kunjungan hormat ke pejabat Menteri Perumahan Sarawak Datuk Amar Abang Johari Tun Abang Openg di Wisma Sultan Tengah semalam. Turut hadir pada perjumpaan tersebut ialah kedua-dua Menteri Muda Perumahan Datuk Francis Harden Hollis dan Abdul Karim Rahman Hamzah serta Pengerusi Daya Buliders Sdn Bhd Dr Abdul Rahman Junaidi.

Menurut Abdul Rahman, pelaksanaan cadangan tersebut akan dibincangkan bersama Kementerian Kewangan untuk dipertimbangkan supaya ia dapat dilaksanakan secepat mungkin. “Kami berharap

cadangan kami akan dipertimbangkan supaya dilaksanakan secepat mungkin di samping memenuhi spesifikasi yang ditetapkan dari segi kualiti, masa dan penyerahan rumah tersebut nanti. “Ini merupakan antara langkah yang diambil oleh kerajaan dalam menangani kos serta spekulasi harga rumah yang meningkat secara mendadak sejak kebelakangan ini,” jelas Abdul Rahman. Beliau turut memuji Kerajaan Negeri Sarawak yang amat aktif dan prihatin dalam menangani isu kenaikan harga rumah melalui pembelian tanah untuk membangunkan projek perumahan mampu milik. “Saya amat berbangga dengan Kerajaan Negeri Sarawak yang mengambil inisiatif membeli tanah di kawasan yang terpilih dan strategik menggunakan dana kerajaan bagi membangunkan projek perumahan untuk rakyatnya,” kata Abdul Rahman.

Sementara itu, Abang Johari mengucapkan penghargaan kepada kerajaan pusat kerana memberi sokongan penuh kepada kerajaan negeri bagi membangunkan beberapa kawasan perumahan baharu serta mampu milik bagi memenuhi kehendak rakyat di negeri ini. “Kerajaan negeri bercadang untuk bekerjasama dengan kerajaan pusat dengan menempatkan pegawai serta agensi berkaitan bagi melaksanakan projek perumahan yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak. “Kami mempunyai perancangan untuk lima tahun akan datang iaitu untuk membina sebanyak 50,000 unit rumah yang akan dibangunkan dengan kerjasama JPN, Perumahan 1Malaysia (PR1MA) dan Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) selain agensi negeri yang berkaitan,” jelas Abang Johari. Beliau berharap melalui pendekatan tersebut ia akan mampu memenuhi keperluan perumahan terutama di kawasan Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (SCORE) di Bintulu, Kuching dan Miri serta pekan-pekan kecil dengan kerjasama pemaju swasta.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2013/09/03/kerajaan-pusat-bertekad-bantu-penuhi-keperluan-perumahan-rakyat-sarawak/#ixzz3x0x1b9ft>

Projek perumahan tidak dibenarkan di tapak pelupusan baharu ditutup

April 5, 2012, Thursday

KUALA LUMPUR: Persidangan Dewan Rakyat semalam diberitahu, pembangunan berat seperti projek perumahan tidak dibenarkan di tapak pelupusan dalam tempoh 30 tahun selepas tapak itu ditutup. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Seri Lajim Ukin berkata, ini adalah disebabkan proses pereputan sisa pepejal masih berlaku dan pembentukan gas-gas metana masih aktif menyebabkan struktur tanah masih tidak stabil bagi pembangunan berat. — Bernama

Read more: <http://www.theborneopost.com/2012/04/05/projek-perumahan-tidak-dibenarkan-di-tapak-pelupusan-baharu-ditutup/#ixzz3x0wpfBzH>

50,000 unit rumah dibina dalam lima tahun

June 13, 2013, Thursday

BINTULU: Kementerian Perumahan merancang untuk membina 50,000 unit rumah bagi memenuhi keperluan golongan berpendapatan rendah di Sarawak dalam tempoh lima tahun akan datang.

Menterinya, Datuk Amar Abang Johari Tun Abang Openg berkata, ini bermakna dalam tempoh setahun 10,000 unit rumah akan dibangunkan oleh Perbadanan Pembangunan Perumahan (HDC) dengan kerjasama Jabatan Perumahan Negara (JPN), Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA). Katanya, Sarawak akan membuka tapak-tapak tanah untuk tujuan itu dan bagi Bintulu, kementerian merancang untuk membina 2,000 unit rumah dalam tempoh dua tahun akan datang di Sungai Plan memandangkan Bintulu semakin pesat membangun. "Selain itu, tambahan 3,500 unit rumah lagi akan dibina di Bintulu pada masa akan datang yang mana tempatnya akan dikenal pasti," ujarnya berucap pada Majlis Penyerahan Kunci Rumah Program Perumahan Rakyat (PPR) Bandaria Park di Jalan Bintulu-Sibu semalam.

Abang Johari berkata, kerajaan turut merancang membangunkan rumah panjang dengan reka bentuk moden, manakala projek Rumah Mesra Rakyat (RMR) dirancang untuk dibangunkan di kawasan Jepak. "Kami telah mengenal pasti kawasan perkampungan baharu untuk membangunkan lot RMR ini dengan syarat penduduk mahu ke-rajaaan membina RMR," katanya sambil menambah, kesejahteraan penduduk menjadi agenda utama kerajaan supaya tidak timbul masalah sosial dalam bandar. Menurutnya lagi, apabila merancang perumahan baharu, kerajaan mengambil kira kehendak masyarakat agar mereka dapat hidup dengan selesa, sekali gus menyumbang kepada negara. "Kerjasama kukuh dengan kerajaan persekutuan yang membentuk keakraban akan memudahkan lagi bantuan peruntukan diberikan untuk membangunkan perumahan di negeri ini," jelasnya.

Abang Johari menarik perhatian, kementerianya menasaskan setinggan sifar di Sarawak menjelang tahun 2020, justeru kemudahan perumahan yang diperlukan oleh rakyat akan terus diberi keutamaan. Katanya, PPR yang telah dibangunkan di Bintulu pula merangkumi 17 blok dengan 1,000 unit rumah dengan tiga bilik, dua bilik mandi, ruang tamu, ruang makan dan dapur yang selesa. Ia merupakan pangsapuri transit kepada penyewa sebelum mereka membangunkan rumah sendiri termasuk 10 unit rumah dengan bilik khas untuk orang kurang upaya (OKU). Jelasnya, PPR turut dilengkapi dengan kemudahan empat unit dewan serba guna, sebuah tadika, enam kedai yang menjual barangan keperluan asas dan rumah pengawal yang akan diterajui oleh badan pengurusan dan penyelenggaraan. "Inilah janji BN, kami menepati apa yang dijanjikan," katanya yang juga Menteri Pelancongan.

Katanya, kerajaan di bawah pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan Ketua Menteri Pehin Sri Abdul Taib Mahmud telah bekerjasama untuk membangunkan dua pendekatan di negeri ini iaitu membina rumah pangsapuri dan rumah mampu milik supaya rakyat dapat membeli rumah pada harga berpatutan. PPR merupakan perumahan transit kepada setinggan, kumpulan berpendapatan rendah dan keluarga muda dengan sewa untuk sebuah rumah adalah RM150 sebulan dan keutamaan akan diberikan kepada setinggan yang layak. Seramai 300 penyewa menerima kunci rumah semalam pada majlis tersebut, semalam.

Turut hadir Menteri Muda Perumahan dan Menteri Muda Pembangunan Belia, Abdul Karim Rahman Hamzah; Menteri Muda di Jabatan Ketua Menteri (Pembangunan Usahawan) merangkap Menteri Muda Pembangunan Sumber, Datuk Naroden Majais; Menteri Muda Perumahan, Datuk Francis Harden Hollis, Menteri Muda Pelancongan merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri Jepak, Datuk Talib Zulpilip; Pengerusi HDC, Datuk Dr Abang Abdul Rauf Abang Zen; Setiausaha Tetap Kementerian Perumahan Sarawak, Wan Liz Othman; Ketua Penolong Pengarah Kanan JPN, Mohamad Musa dan Ketua Pegawai Eksekutif HDC, Wan Mohd Yusuf.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2013/06/13/50000-unit-rumah-dibina-dalam-lima-tahun/#ixzz3xOwWP1bM>

Industri perumahan di Sibul pesat

June 8, 2013, Saturday Reno Benjamin



DAPAT PERMINTAAN: Permintaan terhadap rumah teres dua tingkat terus meningkat meskipun harga rumah kini melambung tinggi.

SIBU: Industri perumahan di Sibul terus berkembang pesat meskipun dengan kenaikan harga rumah secara mendadak. Naib Presiden Persatuan Pemaju Perumahan dan Hartanah Sarawak (SHEDA), Joseph Ting King Sung berkata ini berlaku disebabkan permintaan kukuh bagi setiap projek perumahan yang dibina. "Apabila ada permintaan, di situ ada penawaran dan ini adalah prinsip asas ekonomi kita," katanya dihubungi di sini semalam.

Pengerusi Perhubungan SHEDA Sibul itu memberitahu, ramai pemaju berebut-rebut mendapatkan kawasan atau tanah yang baik sebelum mula membina ratusan unit rumah dengan harapan memperolehi keuntungan. Namun, katanya, di Sibul sukar untuk mendapatkan kawasan atau tanah yang baik pada hari ini memandangkan sebahagian besar tanah adalah tanah paya atau tanah gambut. "Jika pemaju tidak berhati-hati mereka akan membuat pelaburan yang tidak menguntungkan di kawasan seperti ini. Sebagai pemaju, kita tidak mahu perkara ini berlaku," jelas Ting.

Meskipun dengan kekurangan itu, beliau memberitahu pemaju perumahan di sini akan terus memperolehi keuntungan apabila menceburi diri dalam sektor perumahan. Ini kerana, seunit rumah

teres dua tingkat kini berharga antara RM350,000 hingga RM400,000, bergantung kepada lokasi. Bagi rumah teres setingkat, mampu mencecah sehingga RM250,000 sementara rumah berkembar dua tingkat mencecah antara RM500,000 hingga RM600,000. Ting juga mengakui harga rumah yang terlalu tinggi ini adalah di luar kemampuan pembeli yang berpotensi, terutamanya mereka yang daripada golongan berpendapatan rendah dan sederhana. "Tetapi, pembeli mempunyai cara mereka sendiri bagi mendapatkan rumah idaman mereka," kata Pengerusi Kumpulan Syarikat J-De Group itu.

Menyentuh mengenai syarikat, Ting memberitahu mereka lebih memberi tumpuan membina rumah mampu milik bagi memenuhi keperluan golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Katanya, pelaburan baharu syarikat adalah Sunview Housing Estate berhampiran Lapangan Terbang Sibu, kira-kira 26 kilometer dari bandar. Projek perumahan ini melibatkan pembinaan 270 unit rumah teres dua tingkat dengan harga antara RM180,000 hingga RM300,000. J-De Group telah menyiapkan dua projek perumahan iaitu A-Hill Housing Estate dan SanHill Housing Estate, kedua-duanya bagi golongan berpendapatan rendah dan sederhana.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2013/06/08/industri-perumahan-di-sibu-pesat/#ixzz3x0wF5qv>

Rumah kos rendah kurangkan setinggan di Miri

May 5, 2013, Sunday Sudang Ajang

SUNGAI RAIT: Kerajaan semalam melancarkan Program Perumahan Rakyat (PPR) Lambir di Sungai Rait membabitkan sebanyak 500 unit Rumah Mampu Milik (RMM) teres, tambahan kepada 314 unit rumah dilancarkan di Permyjaya Curtin minggu lalu. Menteri Perumahan Datuk Amar Abang Johari Tun Abang Openg berkata, setakat ini Sarawak telah membina 2,800 unit RMM di seluruh negeri bernilai RM514 juta. "Dengan adanya 500 unit RMM yang baharu ini, kita berharap dapat menampung keperluan Rumah Mampu Milik di sini yang kian meningkat," katanya pada Majlis PPR Lambir di Sungai Rait semalam. Beliau yang juga Menteri Pelancongan menambah, projek berkenaan menzahirkan keprihatinan kerajaan untuk menyediakan rumah kos rendah seterusnya mengurangkan masalah setinggan di Miri. "Kita berharap dapat membina lebih banyak RMM pada masa akan datang di Sarawak iaitu dengan menyasarkan 10,000 unit setiap tahun atau 50,000 unit dalam tempoh lima tahun," katanya.

Sementara itu, PPRT Lambir mempunyai keluasan rumah kira-kira 700 kaki persegi, lengkap dengan tiga bilik tidur, dua bilik air, ruang tamu, dapur dan ruang makan dan dijual dengan harga antara RM50,400 hingga RM59,220. PPRT Lambir ini akan dilengkapi dengan sebuah surau, dewan serba guna, taska, tadika selain medan selera, kawasan hijau dan pasar tamu. Program PPR ini merupakan projek bagi Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10) iaitu peruntukan kerajaan persekutuan untuk pelaksanaan bermula dari tahun ini hingga 2015. Abang Johari menambah, pelaksanaan projek-projek perumahan ini sudah tentu dapat membantu mengatasi masalah kesukaran rakyat memiliki rumah memandangkan harga rumah di bawah PPR adalah jauh lebih rendah daripada harga pasaran melalui subsidi yang diberikan oleh kerajaan. "Sebagai contoh rumah PPR ini dibangunkan dengan kos RM140,000 seunit namun dijual dengan harga yang jauh lebih rendah iaitu RM50,400 (unit

tengah) dan RM59,220 (unit tepi) setelah disubsidi oleh kerajaan sebanyak kira-kira RM89,000,” katanya.

Sementara itu, sebanyak 12 PPR telah diluluskan oleh kerajaan persekutuan dalam Belanjawan 2013, antaranya PPR Lambir (500 unit), Permyjaya Curtin (314), PPR Saratok (68 unit), PPR Sri Aman (123 unit), PPR Kidurong (215 unit) dan PPR Tabuan Melayu (432 unit). Hadir sama Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air Datuk Seri Peter Chin, Menteri Muda Perhubungan Datuk Lee Kim Shin, calon Barisan Nasional (BN) Parlimen Miri Datuk Sebastian Ting, calon BN Parlimen Sibuti Ahmad Lai Bujang, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Lambir Ripin Lamat, Residen Bahagian Miri Antonio Kahti Galis dan Datuk Bandar Majlis Bandaraya Miri (MBM) Lawrence Lai.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2013/05/05/rumah-kos-rendah-kurangkan-setinggalan-di-miri/#ixzz3x0w21Ygk>

Perumahan baru perlu lengkap kemudahan asas

July 9, 2011, Saturday

Connie Sylvia Mesa

Projek-projek perumahan terutama di kawasan baru perlu dilengkapi bekalan elektrik, air dan gas asli



UNTUK ALBUM: Lee (duduk tiga kanan), Lai (duduk tiga kiri) dan yang lain bergambar bersama selepas mengadakan mesyuarat Pembangunan Infrastruktur bagi konstituensi Senadin di MBM semalam.

MIRI: Projek-projek perumahan terutama di kawasan baru perlu dilengkapi dengan kemudahan asas seperti bekalan elektrik, air dan gas asli. Ini kerana menurut Menteri Muda Komunikasi Datuk Lee Kim Shin, kemudahan tersebut adalah penting dan memudahkan pemilik rumah berpindah ke rumah baru. “Setiap pemilik rumah baru sememangnya mahu kemudahan tersebut tersedia sebaik sahaja mereka pindah masuk ke rumah. “Justeru, dengan adanya kemudahan asas yang telah disediakan sekali oleh para pemaju, mereka (pemilik rumah) tidak perlu menguruskan pelbagai urusan bagi mendapatkan kemudahan berkenaan,” jelasnya.

Lee mengutarakan cadangan tersebut dalam sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Pembangunan Infrastruktur bagi konstituensi Senadin di bilik mesyuarat Majlis Bandaraya Miri (MBM) semalam. Menurut beliau, sudah tiba masanya untuk para pemaju memberi perkhidmatan terbaik kepada pembeli rumah. Sehubungan itu, katanya, usaha tersebut bukan hanya menjimatkan masa dan kos, malah pada masa sama pihak MBM juga tidak akan menerima aduan daripada orang awam mengenai keadaan jalan raya yang teruk disebabkan pelbagai proses pemasangan. Sementara itu, cadangan yang diutarakan oleh Lee disambut baik oleh Datuk Majlis Bandaraya Miri Lawrence Lai dan akan mempertimbangkan cadangan tersebut.

Menurut Lai, pihaknya akan berbincang selanjutnya mengenai cadangan terbabit bersama pemaju perumahan serta penyedia kemudahan awam yang lain. Dalam pada itu, Lee turut mencadangkan agar Jawatankuasa Penduduk di Permyjaya dan Desa Senadin mengadakan mesyuarat lebih kerap atau sesi dialog bersama wakil pemaju perumahan di kawasan mereka. "Dengan mengadakan mesyuarat dan sesi dialog terbabit, ia sekurang-kurangnya dapat membantu penduduk mengutarakan masalah atau cadangan khususnya di kawasan perumahan mereka," ujarnya. Di samping itu katanya, beliau turut mencadangkan kepada pihak polis bagi menubuhkan pondok polis di Permyjaya dan Desa Senadin bagi membantu mengawal masalah pecah rumah yang sering berlaku. "Saya telah mencadangkan kepada pihak polis untuk membina sebuah pondok polis di Permyjaya dan Desa Senadin bagi mengawal keselamatan khususnya di kawasan perumahan," tambahnya.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2011/07/09/perumahan-baru-perlu-lengkap-kemudahan-asas/#ixzz3x0vjAZKg>

Swasta penting bangunkan industri perumahan: Karim

January 15, 2013, Tuesday

KUCHING: Syarikat swasta merupakan pihak yang memainkan peranan penting dalam membangunkan industri perumahan di negeri ini manakala pihak kerajaan pula bertanggungjawab mengawal industri tersebut di samping melibatkan diri melalui agensi-agensi berkaitan dengan menyediakan rumah-rumah yang mampu dimiliki sama ada untuk dibeli atau disewa. Menurut Menteri Muda Perumahan Abdul Karim Rahman Hamzah, projek-projek tersebut adalah termasuk Rumah Mampu Milik, Rumah Mesra Rakyat, Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) yang merupakan bantuan daripada kerajaan bagi membantu golongan berpendapatan rendah memiliki kediaman. "Bagi mendapatkan kelulusan sesuatu projek perumahan, syarikat perumahan swasta di Sarawak adalah bertanggungjawab untuk membina rumah-rumah kos rendah berhampiran projek perumahan utama mereka bergantung kepada saiz projek berkenaan," jelasnya ketika ditanya mengenai kenyataan yang dibuat oleh Setiausaha Parti Tindakan Demokratik (DAP) Sarawak Chong Chieng Jen Ahad lepas.

Chong telah mendakwa beberapa pihak termasuk syarikat perumahan swasta yang berhubung kait dengan kerajaan bertanggungjawab dengan kenaikan harga rumah secara mendadak di Sarawak. Chong membuat dakwaan tersebut setelah Ketua Pemuda Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) Tan Kai membuat kenyataan mengenai kenaikan harga rumah sejak kebelakangan ini pada minggu lepas.

Karim menjelaskan bahawa peruntukan bagi perumahan rakyat datang daripada kerajaan persekutuan manakala kerajaan negeri menyumbang dari segi menyediakan tapak perumahan tersebut yang merupakan usaha sama yang bijak antara kedua-dua pihak. “Adalah kurang tepat jika mengatakan pihak kerajaan tidak mengawal harga rumah-rumah tersebut kerana ini adalah bergantung kepada permintaan dan penawaran dan ini dibuktikan dengan rumah-rumah yang dibina yang hampir kesemuanya telah terjual. “Ini menunjukkan ekonomi negeri dalam keadaan baik dan membangun,” ujarnya dalam menjelaskan usaha kerajaan selama ini yang membawa kepada kestabilan ekonomi negeri. Beliau turut berpesan kepada Chong supaya lebih memahami bidang ekonomi terutama sekali dalam industri perumahan serta usaha kerajaan sebelum membuat spekulasi mengenai kenaikan harga rumah sebegini.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2013/01/15/swasta-penting-bangunkan-industri-perumahan-karim/#ixzz3x0vNe3K5>

Ordinan Perumahan Sarawak dikaji semula

March 19, 2013, Tuesday Agnes Tugong



GAMBARAN PROJEK: (Dari kiri) Dr Abdul Rahman, Karim, Fadillah, Idris, Abang Johari dan Kamarul (kanan) melihat gambaran Projek Perumahan Vista Perdana Fasa Dua, Miri yang akan dilaksanakan oleh SPNB merangkumi 789 unit rumah. — Gambar Muhd Rais Sanusi

KUCHING: Kerajaan negeri dalam proses mengkaji semula peruntukan dalam Ordinan Perumahan Sarawak bagi tujuan penambahbaikan sejajar dengan perubahan gaya hidup masyarakat kini. Bagi tujuan itu, satu jawatankuasa teknikal yang dipengerusikan oleh Menteri Muda Perumahan Abdul Karim Rahman Hamzah dibentuk bagi mengkaji undang-undang perumahan di peringkat negeri. Menteri Perumahan Datuk Amar Abang Johari Tun Abang Openg berkata antara perkara yang akan dikaji di bawah jawatankuasa ini ialah peruntukan perundangan bagi mewujudkan komuniti berpagar, perundangan melibatkan pangsapuri dan pelesenan.

“Banyak perkara yang tidak begitu menyeluruh dalam pembangunan sektor perumahan di negeri ini. “Sebab itu saya melantik Karim untuk mempengerusikan jawatankuasa teknikal yang akan mengkaji

perkara-perkara ini. "Saya sebagai menteri akan mengkaji secara menyeluruh dengan pihak Jabatan Tanah dan Survei, Kementerian Perancangan Sumber dan Dewan Perundangan untuk melihat perkara ini untuk perbincangan di peringkat kabinet. "Jika ada kelulusan dan pandangan-pandangan daripada kabinet maka kita akan masukkan untuk dibawa ke Dewan Undangan Negeri (DUN)," katanya. Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Pra-Pelancaran Projek Perumahan Vista Perdana Fasa 2, Miri di salah sebuah hotel terkemuka di sini malam kelmarin.

Terdahulu dalam ucapannya, Abang Johari memaklumkan bahawa Ketua Menteri Pehin Sri Abdul Taib Mahmud telah menyatakan persetujuan untuk melonggarkan premium tanah mengikut harga subsidi. Selain itu, kementerian katanya turut memohon kepada syarikat kemudahan untuk memberi kelonggaran dari sudut sumbangan modal. "Kami telah membincangkan perkara ini bersama Ketua Menteri dan saya akan mengambil tindakan selanjutnya tidak lama lagi," katanya.

Turut hadir pada majlis itu, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Fadillah Yusof, Pengerusi SPNB Datuk Wira Idris Haron, Pengarah Urusan SPNB Datuk Dr Kamarul Rashdan Salleh, Menteri Muda Perumahan Abdul Karim Rahman Hamzah serta Datuk Francis Harden Hollis dan ADUN Pantai Damai Dr Abdul Rahman Junaidi. Mengulas mengenai projek yang dilancarkan itu kelmarin, Abang Johari berkata ia merupakan projek baharu di Miri pada kedudukan strategik iaitu di kawasan Permy Jaya yang menjadi laluan orang Brunei selain Curtin University. Projek fasa dua ini merangkumi 789 unit di mana Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) akan membuka unit-unit tersebut secara berperingkat.

Projek Vista Perdana Fasa Dua, Miri merupakan sebuah pembangunan kediaman bercampur seluas 296 ekar dan merupakan salah satu daripada projek perumahan mampu milik yang dibangunkan oleh SPNB. Projek Vista Perdana ini merangkumi jenis kediaman Teres Selesa Satu Tingkat berkeluasan 750 kaki persegi berjumlah 322 unit, Teres Idaman Satu Tingkat; 850 kaki persegi berjumlah 309 unit, Idaman Berkembar Satu Tingkat; 1,117 kaki persegi berjumlah 144 unit dan Banglo Idaman Satu Tingkat; 1276 kaki persegi berjumlah 14 unit.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2013/03/19/ordinan-perumahan-sarawak-dikaji-semula/#ixzz3x0uz8Grf>

Kapit dikenal pasti untuk projek perumahan bekas tentera

November 3, 2013, Sunday

KUCHING: Kementerian Perumahan sedang membuat kajian mengenai sebuah ka-wasan di Kapit bagi tujuan pembangunan projek perumahan bekas tentera. Menterinya Datuk Amar Abang Johari Tun Abang Openg berkata, ia merupakan kerjasama dengan Persatuan Bekas Tentera Malaysia (PBTM) Kapit yang mengemukakan permohonan kepada kementerian. "Dari sudut dasar perumahan, kita memang memberi keutamaan kepada bekas perajurit, bahkan kita mempunyai sebuah projek di Sibujaya dengan kerjasama persatuan. "Kedua, kini kita sedang mengkaji sebuah kawasan di Kapit yang telah dipohon bekas tentera di sana dan kita tahu di Kapit ramai juga yang berkhidmat dalam tentera. Usaha ini kini dalam proses," ujarnya. Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas melancarkan Kempen Tabung Pahlawan Peringkat Negeri 2013 anjuran

PBTM Sarawak dengan kerjasama Markas 1 Divisyen yang di-adakan di Padang Merdeka di sini, semalam.

Di Sibu Jaya, kata beliau, lebih 25 unit rumah diban-gunkan berasaskan senarai yang diberikan PBTM kepada kementerian. Tambahnya, projek yang sudah berjaya dilaksanakan itu dijual dengan harga ang-garan kos RM46,000 seunit, sementara bagi rumah yang digabungkan menjadi dua unit (enam bilik) berharga lebih kurang RM70,000. “Walaupun tidak ada jum-lah sebenar permohonan bagi bekas tentera, tetapi kita mendapati ramai di ka-langan mereka memerlukan kemudahan perumahan dan kita akan mengambil kira kehendak ini bukan sahaja bekas tentera, tetapi juga (bekas) polis,” kata Menteri Pelancongan itu. Beliau memberitahu, tentera mahupun polis berkhidmat secara merantau dan apabila ia berlaku, golongan berkenaan tidak mempunyai kesempatan untuk mengemas kini tentang kemudahan dari sudut perumahan. “Sehubungan itu, kita memberi keutamaan kepada mereka dan dalam hubungan kerjasama sebegini, kita mem-punyai dasar tertentu untuk mengambil kira kehendak polis dan tentera,” ujar Abang Johari. Beliau berkata, kementerian memberi keutamaan kepada pemohon-pemohon yang telah dimajukan oleh pihak persatuan dan mempunyai kelayakan syarat.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2013/11/03/kapit-dikenal-pasti-untuk-projek-perumahan-bekas-tentera/#ixzz3x0ukpF6u>

Bajet perumahan awam Sarawak cukup

January 15, 2013, Tuesday Andy Sabang



PESAT MEMBANGUN: Antara projek perumahan yang dibangunkan di Sibu.

Perolehi bajet cukup dalam Belanjawan Negara 2013 menerusi perkongsian pintar

SIBU: Sarawak memperolehi bajet yang mencukupi bagi perumahan awam di bawah Belanjawan Negara 2013 menerusi perkongsian pintar antara kerajaan persekutuan dan negeri. Menteri Muda Perumahan Abdul Karim Rahman Hamzah berkata dakwaan Setiausaha DAP Chong Chieng Jen bahawa kerajaan negeri tidak mempunyai bajet cukup untuk tujuan pembangunan perumahan awam adalah tidak benar. Katanya Sarawak mempunyai dasar yang tersendiri dengan sebahagian besar keluasan tanah dibangunkan oleh pemaju swasta di samping turut membangunkan rumah kos

www.innovacia.com.my
info@innovacia.com.my

Experience Innovation. Outsource it to us.

rendah. “Sebahagian besar daripada bajet perumahan kerajaan negeri adalah daripada kerajaan persekutuan. “Sarawak juga mendapat jumlah terbesar bagi perumahan awam di bawah Belanjawan Negara 2013. “Kerajaan negeri akan menyumbang dalam beberapa bahagian termasuk menyediakan tanah bagi tujuan perumahan di samping mewujudkan perkongsian pintar di antara kerajaan persekutuan dan negeri,” katanya di sini semalam.

Abdul Karim yang juga Menteri Muda Pembangunan Belia dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Asajaya, berkata pemain terbesar dalam industri perumahan adalah sektor swasta. Katanya kerajaan hanya mengawal polisi menerusi agensi kerajaan berkaitan tetapi tidak terlibat dengan proses pembangunan perumahan. Agensi berkenaan, jelas beliau akan bertindak mengikut bidang kuasa masing-masing terutama dalam menyediakan perumahan awam. “Ini kerana perumahan awam dibangunkan di bawah pelbagai kategori di samping disubsidikan oleh kerajaan agar menjadi mampu milik untuk kebanyakan golongan berpendapatan rendah,” jelasnya. Antaranya ialah Rumah Mampu Milik, Rumah Mesra Rakyat, Rumah Perumahan Rakyat 1 Malaysia (PR1MA) dan sebagainya. Di Sarawak katanya, juga mempunyai dasar di mana pemaju swasta yang membangunkan projek perumahan perlu menyediakan perumahan kos rendah terlebih dahulu di kawasan pembangunan mereka. “Justeru, kerajaan tidak harus dipersalahkan kerana gagal mengawal harga rumah. “Ini kerana harga rumah yang dibangunkan syarikat swasta ditentukan harga pasaran dan permintaan,” katanya.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2013/01/15/bajet-perumahan-awam-sarawak-cukup/#ixzz3x0uQBz1>

PKR sokong Rang Undang-Undang Perbadanan Pembangunan Perumahan

November 20, 2013, Wednesday

KUCHING: Pakatan pembangkang Sarawak semalam menyokong Rang Undang-Undang Perbadanan Pembangunan Perumahan (Pelesenan dan Kawalan) 2013 bagi mengawal selia perniagaan pemaju perumahan dan untuk melindungi kepentingan pembeli. See Chee How (PKR-Batu Lintang) berkata demikian ekoran peruntukan dalam Ordinan Pemaju Perumahan (Pelesenan dan Kawalan) 1993 sebelum ini tidak mencukupi bagi melindungi kepentingan pembeli rumah. “Rang Undang-Undang HDCL 2013 dimasukkan dalam usaha untuk melindungi pembeli, dalam Bahagian II rang undang-undang mengadakan peruntukan bagi perkara yang berhubungan dengan pelesenan pemaju perumahan.

“Keadaan baharu yang ditetapkan dalam Seksyen 7 (a) memerlukan pemohon mempunyai modal diterbitkan dan berbayar dan telah membuat deposit amaun sebagaimana yang ditetapkan dalam peraturan. “Sebelum ini, dalam Seksyen 6 (a) hanya memerlukan deposit sebanyak RM100, 000 atau 5 peratus daripada nilai kerja-kerja atau yang mana lebih rendah,” katanya ketika ucapan perbahasan pada Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) di sini, semalam. Antara projek perumahan yang masih terbengkalai di negeri ini termasuk Taman Bayside, Jalan Batu Kawa dan Taman Petronesa 2 di Jalan Tan Sri Abang Ikhwan Zaini.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2013/11/20/pkr-sokong-rang-undang-undang-perbadanan-pembangunan-perumahan/#ixzz3x0uH7LTk>

Pelaksanaan PPR Permyjaya Curtin lancar, dijangka siap ikut jadual

October 12, 2013, Saturday

MIRI: Pelaksanaan Projek Perumahan Rakyat (PPR) Permyjaya Curtin yang terletak di Kuala Baram dan di Sungai Rait, Lambir yang dimajukan oleh Suruhanjaya Pembangunan Perumahan (HDC) Sarawak, kini berjalan lancar dan dijangka siap mengikut jadual. Pegawai Perhubungan Awamnya Ali Omar memberitahu, pelaksanaan projek tersebut di Sungai Rait, ketika ini amat lancar malah lebih awal daripada jadual. Manakala projek yang sama di Kuala Baram kini sudah memasuki fasa memasang cerucuk di tapak projek. “Bagaimanapun secara keseluruhannya kedua-dua projek Rumah Mampu Milik (RMM) itu berjalan lancar dan dijangka siap mengikut jadual,” ujarnya kepada Utusan Borneo di sini, kelmarin.

Menurut Ali, fasa pertama RMM di Kuala Baram yang juga dikenali sebagai PPR Permyjaya Curtin akan melibatkan pembinaan sebanyak 314 unit RMM yang memiliki keluasan 700 kaki persegi, lengkap dengan tiga bilik tidur, dua bilik air, ruang tamu, dapur dan ruang makan. Kerja-kerja memasang cerucuk tapak projek di PPR Permyjaya Curtin dijangka siap awal tahun depan dan kelewatan berlaku ekoran keadaan cuaca yang tidak menentu dan kerap hujan di sini. “Selain itu projek menaik taraf Jalan Kuala Baram yang giat dijalankan di kawasan berhampiran sebelum ini, juga menjadi salah satu faktor yang melambatkan pembinaannya (memasang cerucuk),” ujarnya sambil menambah, proses pembinaan tapak dan rumah berkenaan dijangka bermula pertengahan tahun depan.

Turut dibina di kawasan perumahan tersebut kelak ialah surau, dewan serba guna, rumah-rumah kedai dan seterusnya fasa kedua PPR Permyjaya Curtin, sebaik perumahan fasa pertama siap. Bagi PPR Sungai Rait di Lambir pula, beliau memberitahu bahawa ketika ini projek berkenaan sudah pun bermula 19 peratus pembinaannya telah dilaksanakan, sebaik kerja-kerja memasang cerucuk siap sepenuhnya. Katanya sistem perparitan juga sudah dibina manakala proses membina rumah kini memasuki peringkat awal. Sebanyak 500 unit RMM akan dibina di bawah projek di Sungai Rait, Lambir. Kedua-dua projek RMM tersebut yang disasarkan untuk golongan berpendapatan rendah akan dijual pada harga RM50,400 dan RM59,220. Manakala proses menapis permohonan bagi pembeli-pembeli RMM di kedua-dua projek tersebut sudah pun dilakukan. Katanya, pemohon yang layak akan dipanggil untuk peringkat seterusnya.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2013/10/12/pelaksanaan-ppr-permyjaya-curtin-lancar-dijangka-siap-ikut-jadual/#ixzz3x0u4vbGe>

2,847 unit rumah di bawah PPR di Sarawak tahun depan

November 28, 2012, Wednesday

KUCHING: Sebanyak 2,847 unit rumah di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR) telah diluluskan untuk dibina di Sarawak pada tahun depan dengan jumlah keseluruhan peruntukan sebanyak RM512.46 juta. Menteri Perumahan Datuk Amar Abang Johari Tun Abang Openg berkata ia membabitkan 12 projek perumahan iaitu PPR Lambir, Miri (500 unit), PPR Saratok, Betong (68 unit), PPR Sri Aman (123 unit), PPR Kidurong, Bintulu (215 unit), PPR Permyjaya, Miri (314 unit), PPR Tabuan Melayu, Kuching (213 unit), PPR Sungai Tengah II, Kuching (439 unit), PPR Matang Batu 9, Kuching (93 unit), PPR Mukah II (66 unit), PPR Kanowit (91 unit), PPR Samarahan (303 unit) dan PPR Petra Jaya, Kuching (422 unit). "Jumlah unit rumah yang telah diluluskan ini merupakan yang terbanyak di kalangan negeri di Malaysia iaitu 14 peratus daripada jumlah keseluruhan unit," katanya dalam ucapan penggulungan kementerianya pada Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) di sini, semalam.

Bagi permulaan pembinaan projek tersebut, Abang Johari berkata kerajaan persekutuan telah memperuntukkan sebanyak RM95.16 juta. Katanya kesemua projek ini akan dibina dengan reka bentuk yang menarik, selesa untuk diduduki, mempunyai keluasan 700 kaki persegi dan dilengkapi dengan tiga bilik tidur dan dua bilik air. "Pelaksanaan projek-projek perumahan ini kelak sudah tentunya akan dapat membantu mengatasi isu kesukaran rakyat untuk memiliki rumah memandangkan harga rumah di bawah PPR adalah jauh lebih rendah daripada harga pasaran melalui subsidi kos yang diberikan oleh kerajaan," katanya. Menurutnya, harga seunit rumah yang ditawarkan ialah RM50,400 untuk unit tengah dan RM59,220 untuk unit tepi.

Berhubung status pelaksanaan PPR (dimiliki) yang sedia ada, Abang Johari berkata sejumlah RM100 juta dana kerajaan persekutuan telah diperuntukkan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua pada 2009 untuk membina 865 unit rumah atas tanah di Kuching, Samarahan, Mukah, Bintulu, Kanowit dan Song. Katanya projek tersebut merangkumi PPR Matang Lot 5 (Taman Serapi – 156 unit), PPR Matang Sungai Tengah (Taman Banjaran Serapi – 311 unit), PPR Samarahan (Taman Tuang – 150 unit), PPR Mukah (Taman Mutiara Indah – 52 unit), PPR Kidurong (Kidurong Avenue – 100 unit), PPR Kanowit (Taman Dabai Indah – 68 unit) dan PPR Song (Taman Sri Jaya – 28 unit). "Lima projek iaitu dua di Kuching, satu di Samarahan dan satu di Mukah telah siap pada November 2010 dan di Song siap pada Mac 2012 manakala dua lagi projek iaitu di Kidurong dan Kanowit sedang dalam proses mendapatkan Permit Pendudukan (OP) dan Sijil Jalan," katanya.

Mengenai status pelaksanaan PPR (disewa) yang sedia ada pula, Abang Johari berkata sebanyak 2,000 unit pangsapuri untuk disewa telah dan akan siap di tiga lokasi iaitu PPR Batu Gong di Siburan, Kuching, PPR Seduan di Rantau Panjang, Sibu dan PPR Kemena di Bintulu. Katanya, ketiga-tiga projek tersebut melibatkan peruntukan sebanyak RM238.5 juta melalui dana kerajaan persekutuan. "PPR Seduan sebanyak 500 unit telah siap sepenuhnya dan telah diserahkan kepada Perbadanan Pembangunan Perumahan Sarawak (PPPS) pada Februari lalu manakala PPR Batu Gong (500 unit) dan PPR Kemena (1,000 unit) dijadual siap pada suku pertama tahun depan," katanya.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2012/11/28/2847-unit-rumah-di-bawah-ppr-di-sarawak-tahun-depan/#ixzz3x0toKHBC>

Undang-undang bangun perumahan dikemas kini

December 10, 2011, Saturday Wan Ali Amit



PERUBAHAN: Abang Johari (tengah) menunjukkan undang-undang baharu pembangunan perumahan Sarawak sambil diperhatikan Abdul Karim (kiri) dan Affandi di Kuching, semalam.

Jawatankuasa ditubuh tangani isu-isu projek di Sarawak

KUCHING: Memandangkan keadaan perubahan pembangunan yang berlaku sekarang, Kementerian Perumahan mengambil tindakan untuk mengemas kini undang-undang sedia ada bagi melancarkan projek-projek pembinaan rumah untuk rakyat. Menteri, Datuk Amar Abang Johari Tun Abang Openg berkata, kementeriannya telah menubuhkan jawatankuasa bertindak bagi menangani pelbagai isu yang membabitkan projek-projek pembangunan perumahan di negeri ini. Beliau berkata, jawatankuasa itu diketuai oleh Menteri Mudanya, Abdul Karim Rahman Hamzah dengan dianggotai oleh Kementerian Perancangan Sumber dan Alam Sekitar, Jabatan Tanah dan Survei, Dewan Perniagaan Sarawak dan Suruhanjaya Pembangunan Perumahan Sarawak. "Jawatankuasa yang kita tubuhkan itu adalah bertindak untuk menangani pelbagai isu berkaitan pembangunan perumahan bagi memastikan rakyat mampu memiliki rumah," katanya.

Bercakap pada sidang media di pejabatnya di sini semalam, Abang Johari berkata antara isu yang ditangani oleh jawatankuasa terbabit ialah kadar kenaikan harga rumah, penggunaan bahan binaan mengikut Sistem Binaan Perindustrian (IBS) dan harga rumah murah mampu milik. Beliau menarik perhatian, konsep Perumahan 1Malaysia (PRIMA) yang diperkenalkan oleh kerajaan pusat juga direalisasikan di negeri ini bagi memenuhi keperluan rakyat. Abang Johari menambah kementeriannya juga mengemas kini undang-undang mengikut Ordinan Pembangunan Perumahan 1993 bagi menggantikan Akta 1966 (Kawalan dan Lesen). "Ini adalah bagi memastikan semua projek perumahan terbengkalai di negeri ini akan diberi nafas baharu," katanya.

Hadir sama pada sidang media itu Menteri Muda Perumahan dan Pembangunan Belia, Abdul Karim Rahman Hamzah dan Setiausaha Tetap Kementerian Perumahan, Affandi Keli. Abang Johari berkata, difahamkan lima projek perumahan terbengkalai di negeri ini yang melibatkan pembinaan perumahan belum siap melebihi 10 tahun. "Kita memberi tempoh setahun untuk jawatankuasa bertindak bagi memastikan kontraktor-kontraktor pembinaan terbabit dapat menyelesaikan

masalah projek mereka sebelum tindakan seterusnya diambil,” katanya. Menurutnya, projek-projek perumahan terbelong terdapat di Kuching iaitu Kota Sentosa, Sungai Maong dan Samariang termasuk dua projek perumahan di Sibiu. Sehubungan itu, jelas Abang Johari orang luar termasuk di Semenanjung Malaysia boleh membeli rumah dengan harga RM300,000 ke atas melalui skim ‘Rumah Pertamaku.’ “Dengan penubuhan jawatankuasa itu dan mengemas kini undang-undang pembangunan perumahan, saya yakin rakyat dapat memiliki rumah seperti yang mereka impikan,” katanya.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2011/12/10/undang-undang-bangun-perumahan-dikemas-kini/#ixzz3x0tPKXVh>

Manfaatkan skim pinjaman rumah panjang, kata Harden

October 7, 2013, Monday Kelvin Lambai

Penduduk diharap mohon skim ini bagi baiki rumah panjang

DEBAK: Penduduk diharap tidak melepaskan peluang memohon Skim Pinjaman Rumah Panjang daripada Kementerian Perumahan Sarawak bagi membantu golongan terbabit membaiki rumah-rumah panjang mereka yang perlu dibaik pulih. Menteri Muda Perumahan Datuk Francis Harden Hollis berkata, permohonan pinjaman rumah panjang tersebut perlu dibuat sendiri di pejabat kementerian berkenaan di Kuching. “Selain itu, rumah-rumah panjang yang berminat membuat pinjaman boleh menjemput pegawai-pegawai di kementerian untuk mengadakan sesi dialog atau penerangan di rumah-rumah panjang terbabit,” katanya ketika ditemui pada Majlis Bertemu Rakyat dan Sesi Dialog Bersama Pegawai-pegawai Kementerian Perumahan di Rumah Jantai, Kampung Bangkit Kamantan dekat Debak kelmarin.

Menurutnya, setiap rumah panjang yang memohon pinjaman akan diberikan pinjaman perumahan sebanyak RM10,000 untuk membeli perkakas rumah mereka. “Mereka yang diluluskan permohonan perlulah membayar balik pinjaman tersebut sebanyak RM65 sebulan untuk tempoh 25 tahun. “Kami merasakan, peminjam-peminjam kami mampu membayar balik pinjaman RM65 sebulan kepada pihak kami kerana bayaran balik untuk sebulan itu amat rendah,” jelasnya. Bukan setakat itu sahaja, setiap perkakas untuk membina rumah panjang yang dipilih juga dihantar oleh pembekal yang dilantik oleh kementerian kepada para pemohon tersebut.

Katanya pada awal tahun ini pihak kementerian menyediakan satu lagi pakej baharu bagi pinjaman perumahan rumah panjang iaitu Pakej Pinjaman Perumahan Rumah Panjang Mesra Rakyat. “Ini merupakan salah satu skim baharu pinjaman perumahan rumah panjang yang diluluskan Kementerian Perumahan. “Kementerian juga meluluskan peruntukan ‘Pilot Project’ bagi skim ini berjumlah RM2 juta untuk Rumah Collin di Miri yang mana projek ini telah bermula dan menunggu masa untuk dilaksanakan menerusi Skim Pinjaman Perumahan Rumah Panjang Mesra Rakyat,” jelasnya. Tambahnya, Kementerian Perumahan secara keseluruhan meluluskan permohonan Skim Pinjaman Rumah Panjang kepada 560 rumah panjang yang melibatkan 12,000 pintu bilik atau keluarga dengan kos berjumlah RM82 juta pada tahun lalu. Hadir sama pegawai-pegawai

Kementerian Perumahan Sarawak, ketua Pemuda Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) Simanggang dan Kaunselor Sawing Sumar.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2013/10/07/manfaatkan-skim-pinjaman-rumah-panjang-kata-harden/#ixzz3x0syDaOY>

Taman SABERKAS penuh keperluan rumah di Bintulu

December 18, 2010, Saturday

BINTULU: Taman SABERKAS milik Pertubuhan Belia Kebangsaan Bersatu Sarawak (SABERKAS) di sini bakal memenuhi keperluan dan permintaan penduduk terhadap tempat-tempat kediaman di bahagian ini. Taman perumahan yang dibangunkan di Jalan Pesisir Bintulu-Miri berkeluasan 50 ekar itu menawarkan 122 unit rumah kos rendah fasa satu jenis A dan masing-masing 132 unit untuk fasa satu, 44 unit fasa dua dan 159 unit lagi fasa tiga untuk jenis B. Pengerusi SABERKAS Daerah Bintulu merangkap Timbalan Setiausaha Agung SABERKAS Negeri, Datuk Paul Teo Choo Tee berkata, perumahan yang dibangunkan itu boleh dipohon oleh penduduk tempatan terutama yang belum memiliki rumah atau tanah. "Pembangunan perumahan itu juga akan membolehkan kerajaan membantu menampung keperluan rumah di bahagian ini terutamanya penduduk setinggan dan golongan yang berpendapatan rendah," ujarnya pada sidang media di sini, semalam.

Paul berkata, Presiden SABERKAS merangkap Menteri Perumahan dan Pembangunan Bandar, Datuk Amar Abang Johari Tun Openg dijangka melancarkan projek taman perumahan itu pada 21 Disember ini, jam 9 pagi di tapak projek tersebut. Katanya, unit rumah bagi jenis A berharga RM40,000 ke atas, manakala jenis B berharga RM80,000 ke atas. "Rumah yang dibangunkan itu adalah dari jenis rumah teres yang mampu dimiliki," katanya sambil menambah, kemudahan lain yang turut disediakan di taman perumahan itu kelak ialah pusat komersial, taman didikan kanak-kanak dan dewan masyarakat. Pihak pemaju turut menawarkan enam unit rumah yang dilengkapi pendingin hawa di samping menawarkan cabutan bertuah bagi pembeli rumah yang membuat deposit pembelian awal.

Dalam pada itu, projek pembinaan rumah tersebut sedang giat dijalankan sejak tahun lepas. Taman SABERKAS itu dibangunkan oleh pemaju Marajuta Sdn Bhd yang berpangkalan di Kuching. Untuk keterangan lanjut mengenai Taman SABERKAS, hubungi Stephen menerusi talian 019-8876786, Denis (016-8630227) atau talian 019-8580555 (untuk rumah contoh). Dalam perkembangan lain, katanya, SABERKAS Daerah Bintulu akan menganjurkan Parti Pra-Krisman pada masa dan hari yang sama sempena majlis tersebut. Manakala pada sebelah petang, katanya, pihaknya akan menganjurkan Majlis Pra-Krisman di Hospital Bintulu. Katanya lagi, Majlis Makan Malam Riang Ria 1Malaysia Bersama SABERKAS Daerah Bintulu pula akan diadakan pada 20 Disember, jam 7 malam di Hotel ParkCity Everly di sini. Pengurus Pembangunan Harta Marajuta Sdn Bhd, Stephen Wong turut hadir pada sidang media semalam.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2010/12/18/taman-saberkas-penuhi-keperluan-rumah-di-bintulu/#ixzz3x0sevhyV>

Agensi pinjaman perumahan dirancang

May 7, 2012, Monday

Agnes Tugong

Satu jawatankuasa ditubuh pastikan ia dapat dilaksana tahun ini

KUCHING: Kerajaan negeri dalam perbincangan untuk menubuhkan agensi pinjaman perumahan sebagai kemudahan kepada rakyat membeli rumah. Bagi tujuan itu satu jawatankuasa dipengerusikan oleh Menteri Muda Perumahan Abdul Karim Rahman Hamzah ditubuhkan bagi memastikan ia dapat dilaksanakan dalam tempoh satu tahun ini. Menteri Perumahan Datuk Amar Abang Johari Tun Abang Openg berkata kemudahan praktikal ini turut akan merangkumi pinjaman bagi skim rumah panjang. Bagi pinjaman membabitkan rumah panjang, ia menurut Abang Johari akan dipertanggungjawabkan kepada Menteri Mudanya Datuk Francis Harden Hollis. "Sebagai permulaan kami akan memperkenalkan kemudahan ini kepada sektor awam meliputi pinjaman perumahan bagi projek SPNB, HDC dan PR1MA. "Selepas itu ia akan dipanjangkan kepada semua pembeli sama ada sektor awam atau swasta bagi memudahkan mereka mendapatkan pinjaman untuk membeli rumah," katanya. Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Karnival Ulang Tahun Ke-40 Perbadanan Pembangunan Perumahan (HDC) di pekarangan Wisma Sultan Tengah di sini semalam. Tambah Abang Johari menerusi agensi ini, kementerian akan mendapatkan dana daripada kementerian kewangan dan ia akan digunakan bagi tujuan pinjaman kepada rakyat.

Peminjam dalam pada itu katanya, akan membayar balik kepada agensi ini yang peranannya hampir menyamai penyedia kewangan sedia ada iaitu Borneo Mortgage. Dalam perkembangan berkaitan, kerajaan menurut Abang Johari turut dalam perancangan untuk mewujudkan bandar 1Malaysia di bandar raya ini lengkap dengan segala fasiliti seperti klinik dan Kedai 1Malaysia. Bagaimanapun menurutnya, rancangan ini masih di peringkat perbincangan dengan Ketua Menteri Pehin Sri Abdul Taib Mahmud dan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak. "Perdana Menteri telah berbisik kepada saya untuk melaksanakan projek ini di Sarawak dan yang pasti ia akan dilaksanakan di kawasan bandar yang kemungkinan besar di Kuching. "Selepas itu kami akan memanjangkan ke kawasan seperti Mukah dan Bintulu memandangkan dua kawasan ini terletak dalam lingkungan projek SCORE," katanya. Sebagai gambaran awal, bandar 1Malaysia di negeri ini tidak akan mengikut konsep di Sungai Besi kerana Sarawak katanya masih mempunyai tanah yang luas bagi pembangunan yang lebih kreatif.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2012/05/07/agensi-pinjaman-perumahan-dirancang/#ixzz3x0sNLex3>

Pengurus perumahan di pangsapuri sewa

November 28, 2012, Wednesday



KAEDAH BAHARU: Abang Johari (tengah) menerangkan mengenai pelaksanaan kaedah menempatkan pengurus perumahan di pangsapuri awam kepada pemberita menerusi sidang media di bilik media, DUN di sini semalam. Turut kelihatan Menteri Muda Perumahan Abdul Karim Rahman Hamzah (kanan) dan Menteri Muda Pembangunan Luar Bandar Datuk Francis Harden (kiri).

KUCHING: Kementerian Perumahan akan menempatkan pengurus perumahan secara sepenuh masa di setiap kawasan pangsapuri disewa di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR) di negeri ini untuk menguruskan pangsapuri-pangsapuri tersebut. Menteri Datuk Amar Abang Johari Tun Abang Openg berkata ia merupakan kaedah baharu yang diperkenalkan untuk menambah baik pendekatan sedia ada dalam pengurusan dan penyelenggaraan pangsapuri awam Perbadanan Pembangunan Perumahan Sarawak (PPPS) itu. Jelas beliau, struktur baharu tersebut akan mengambil kira keperluan tenaga kerja teknikal dan pentadbiran serta penyelia blok yang mencukupi bagi memastikan proses pengurusan yang berkesan. "Melalui kaedah pengurusan baharu ini, kita akan dapat memastikan kualiti penyelenggaraan dan tahap pengurusan pangsapuri awam dapat dipertingkatkan dengan lebih baik lagi," katanya dalam sidang media selepas menyampaikan ucapan penggulungan kementerianya pada Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) di sini, semalam. Menurut Abang Johari, pengurus perumahan juga akan terdiri daripada individu yang berpengalaman dan mempunyai pengetahuan tentang pengurusan fasiliti iaitu kakitangan PPPS. Tambah beliau, pelaksanaan kaedah tersebut juga tidak akan mempengaruhi kenaikan kadar sewa bulanan di mana ia akan kekal RM150 sebulan mengikut kadar sewa bulanan yang ditetapkan bagi Sarawak.

Sementara, bagi pembinaan projek pangsapuri baharu di bawah PPR pula, Abang Johari berkata kerajaan turut memperkenalkan konsep yang inovatif di mana pembinaannya akan melibatkan penyediaan kemudahan awam secara bersepadu seperti surau, tempat riadah, gelanggang permainan dan dewan serba guna. Selain itu, katanya projek perumahan ini juga akan mengandungi

kawasan lapang dan kawasan hijau (sekiranya tapak perumahan tersebut mempunyai keluasan yang cukup), penyediaan lot kedai serta kemudahan lif. Pembinaan unit pangsapuri untuk sewaan di bawah PPR merupakan usaha kerajaan untuk menyediakan kediaman sementara kepada golongan yang memerlukan. Memandangkan golongan memerlukan rumah semakin bertambah disebabkan trend penghijrahan dari luar bandar ke bandar yang meningkat, kerajaan telah memutuskan untuk tidak menjual pangsapuri sedia ada atau yang baharu buat masa ini. Malah, kadar sewanya yang rendah juga akan membolehkan golongan tersebut tinggal dalam tempat kediaman yang selesa dan pada masa sama mereka akan dapat menyimpan wang untuk membeli rumah sendiri.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2012/11/28/pengurus-perumahan-di-pangsapuri-sewa/#ixzz3x0s3ya1Z>

Tidak wujud masalah gelembung perumahan

May 13, 2011, Friday

KUCHING: Menteri Perumahan dan Pembangunan Bandar Datuk Amar Abang Johari Tun Openg yakin masalah gelembung perumahan (housing bubble) tidak akan berlaku di Sarawak kerana pembinaan sektor hartanah di negeri ini adalah berdasarkan keseimbangan permintaan dan tawaran. “Maknanya kalau ada permintaan baru kita bina...jadi saya yakin perkara ini (gelembung perumahan) tidak akan berlaku di Sarawak begitu juga di Malaysia amnya. “Jadi semua ini berkaitan antara keseimbangan dengan permintaan dan tawaran. SPA (Lembaga Perancangan Negeri) ada kaedah untuk menentukan keseimbangan permintaan dan tawaran. Masalah ‘bubble’ tidak wujud,” katanya pada sidang media di sini semalam.

Menurut beliau lagi gelembung perumahan berlaku disebabkan terlalu banyak spekulasi yang menyaksikan pelabur membina rumah dengan banyak tanpa menilai permintaan pasaran terlebih dahulu menyebabkan ada rumah tidak terjual pada kemudian hari dan seterusnya mengakibatkan kerugian. Beliau berkata demikian apabila diminta mengulas isu gelembung perumahan yang berlaku di beberapa negara seperti Amerika Syarikat, China dan Jepun ketika ini. Abang Johari yang juga Menteri Pelancongan dan Warisan berkata, di Sarawak khususnya permintaan terhadap hartanah kediaman masih tinggi terutama untuk rumah kos rendah dan sederhana rendah ditambah dengan program terbaru diperkenalkan kerajaan iaitu Rumah Pertamaku. Di bawah program Rumah Pertamaku jelasnya pembeli layak membeli rumah yang berharga antara RM120,000 hingga RM200,000 tanpa perlu menjelaskan bayaran pendahuluan. “Pembeli ini akan mendapat pinjaman 100 peratus daripada MBSB (Malaysia Building Society Berhad) untuk tujuan itu,” katanya. Pada masa sama beliau berkata, kerajaan tidak dapat mengawal harga perumahan kerana kuasa pasaran banyak mempengaruhi nilai aset berkenaan selain impak ketidaktentuan harga bahan-bahan binaan khasnya simen dan besi.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2011/05/13/tidak-wujud-masalah-gelembung-perumahan/#ixzz3x0rstpZe>

Ordinan Pemaju Perumahan diharap dipinda: PKR

November 18, 2013, Monday

KUCHING: Parti Keadilan Rakyat (PKR) Sarawak berharap lebih banyak pindaan penting dilakukan terhadap Ordinan Pemaju Perumahan (Perlesenan dan Kawalan) 1993 supaya kepentingan pembeli dapat dilindungi dengan lebih berkesan. Naib Presiden PKR Wanita Kebangsaan yang juga Naib Pengerusi PKR Stampin Voon Shiak Ni berkata pindaan juga perlu untuk mengurangkan risiko pembeli menjadi mangsa pemaju tidak bertanggungjawab. Menurutnya kejadian projek-projek perumahan terbengkalai di negeri ini menyebabkan ramai pembeli dalam keadaan trauma kerana terpaksa membayar pinjaman perumahan dan hutang sedangkan rumah belum siap. Ujarnya lagi isu pemaju perumahan hilang bersama deposit perkara yang amat membimbangkan orang ramai. "Pada masa kita mengalu-alukan tindakan positif kerajaan mengkaji semula Ordinan Pemaju Perumahan (Perlesenan dan Kawalan) 1993, kita amat berharap pindaan-pindaan penting dilakukan supaya kepentingan pembeli lebih terbela. "Ada kes pembeli terpaksa membayar pinjaman perumahan walaupun projek perumahan yang mereka beli terbengkalai, jika ingkar mereka akan disaman bank," katanya dalam kenyataan akhbarinya semalam.

Menurut Voon, sehingga November 2011, statistik dikeluarkan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menunjukkan 62 projek menjejaskan hampir 17,000 pembeli dan kini dalam proses 'pemulihan'. "Terdapat beberapa kes dirujuk kepada kami, pemaju lari bersama wang pembeli malah syarikat pemaju tidak lagi beroperasi. "Pembeli terjejas malah tidak boleh mengambil tindakan undang-undang untuk mendapatkan semula wang deposit mereka," tambahnya. Keadaan itu katanya memberi trauma dan mimpi ngeri kepada pembeli yang terbiar serta tidak dapat dibantu menjelaskan hutang mereka. Katanya antara contoh projek perumahan terbengkalai ialah Taman Sentosa di Kota Sentosa dan kes lain menyaksikan pemaju melarikan diri bersama wang pembeli dan menutup pejabat pengurusanannya ialah pemaju projek Country Hill Apartment di Matang.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2013/11/18/ordinan-pemaju-perumahan-diharap-dipinda-pkr/#ixzz3x0rgj69Q>

Deposit selenggara infrastruktur projek perumahan dikurangkan

June 28, 2013, Friday

SIBU: Majlis Perbandaran Sibu (MPS) telah membuat keputusan untuk mengurangkan deposit penyelenggaraan infrastruktur projek pembangunan perumahan daripada RM80 meter persegi kepada RM40 meter persegi. Pengerusi Jawatankuasa Kerja dan Trafik Kaunselor Robert Lau Hui Yew berkata, Persatuan Kontraktor Bangunan dan Jurutera Sivil telah memohon untuk mengurangkan deposit penyelenggaraan infrastruktur projek pembangunan perumahan. "MPS menyedari bahawa kos pembangunan dan margin keuntungan projek pembangunan perumahan adalah lebih rendah berbanding dengan pembangunan komersial. "Bagi pembangunan perumahan dan komersial, satu garisan panduan akan dilaksanakan dengan deposit penyelenggaraan RM40 meter persegi bagi projek pembangunan perumahan dan RM80 meter persegi bagi projek pembangunan komersial,"

jelasnya. Lau berkata demikian pada mesyuarat penuh bulanan MPS yang diadakan di bilik mesyuarat MPS, tingkat 24, Wisma Sanyan, kelmarin.

Dalam perkembangan lain, Lau memberitahu, MPS telah mengeluarkan 531 kompaun atas kesalahan meletakkan kenderaan di kawasan larangan terutama di kawasan bandar, bermula 28 Mei hingga 24 Jun. "MPS turut menjalankan operasi bersama Polis Diraja Malaysia pada 18 Jun lepas dan mengeluarkan tujuh saman kepada mereka yang memarkirkan lori di kawasan perumahan," ujar beliau. Katanya MPS turut mencadangkan untuk membuka laluan keluar masuk di Lorong 8 Taman Rejang bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas di kawasan berkenaan terutama pada waktu puncak.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2013/06/28/deposit-selenggara-infrastruktur-projek-perumahan-dikurangkan/#ixzz3x0rVll3j>

Pemaju perlu cari kaedah, pendekatan baharu laksanakan projek perumahan

May 7, 2012, Monday

KUCHING: Pemaju perumahan perlu mencari kaedah dan pendekatan baharu dalam pelaksanaan projek-projek perumahan bagi memenuhi jangkaan pembeli. Menteri Perumahan Datuk Amar Abang Johari Tun Abang Openg berkata kaedah baharu ini meliputi aspek reka bentuk, teknologi serta penggunaan bahan binaan. Perkara ini menurut Abang Johari perlu diberi penekanan bagi memastikan projek-projek perumahan yang dilaksanakan dapat dijual sepenuhnya. "Selama tempoh 40 tahun, Perbadanan Pembangunan Perumahan (HDC) telah dapat memainkan peranan membekalkan rumah-rumah kepada penduduk di seluruh Sarawak. "Bermula dengan di Jalan Astana, Piasau dan Belawai sehingga kemunculan sektor swasta pada 20 hingga 25 tahun lepas yang mana daripada 10 ekar tanah yang dibangunkan, 30 peratus diperuntukkan untuk rumah kos rendah. "Kini dengan pengumuman kadar gaji minimum RM800, pemaju perumahan perlu memperbaiki kualiti rumah-rumah menggunakan sistem IBS dan sebagainya," katanya. Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Karnival Ulang Tahun Ke-40 HDC di pekarangan Wisma Sultan Tengah di sini semalam.

Turut hadir Pengerusi HDC Datuk Dr Abang Abdul Rauf Abang Zen, Menteri Muda Perumahan Datuk Francis Harden Hollis dan Pengerusi Daya Builders Sdn Bhd Dr Abdul Rahman Junaidi. Dalam usaha membantu rakyat berpendapatan sederhana mendapatkan kediaman yang selesa, kerajaan memperkenalkan projek Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA). Projek ini khas untuk rakyat berpendapatan isi rumah antara RM2,500 hingga RM7,000 sebulan. Di bawah projek ini kerajaan menawarkan harga rendah daripada harga pasaran iaitu pada kadar 10 peratus untuk membantu mereka yang berhijrah ke bandar dari luar bandar. Projek ini dicadang dilaksanakan di kawasan Demak Laut dengan rumah teres dua tingkat dengan reka bentuk yang moden. Dibangunkan bersama oleh HDC, PR1MA dan pemaju swasta sebanyak 111 unit rumah ditawarkan pada harga RM300,000. Sehingga kini, pihak pelaksana menerima 500 permohonan bagi projek tersebut yang mana ia merupakan satu tambahan kepada program HDC sedia ada selain Rumah Mampu Milik, Program Perumahan Rakyat, Program Rumah Mesra Rakyat dan Program Pinjaman Rumah Panjang.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2012/05/07/pemaju-perlu-cari-kaedah-pendekatan-baharu-laksanakan-projek-perumahan/#ixzz3x0rIpFZ5>

Tanah NCR di bandar dicadang untuk pembangunan perumahan

November 20, 2013, Wednesday

KUCHING: Dr Johnical Rayong Ngipa (BN-Engkilili) mencadangkan agar tanah Hak Adat Bumiputera (NCR) yang terletak di bandar dibenarkan untuk pembangunan estet perumahan dengan memperuntukkan 70 peratus kepada Bumiputera dan 30 peratus kepada bukan Bumi-putera. Beliau berkata, ia dilihat sebagai langkah untuk menarik pemaju membangunkan tanah NCR yang dapat memenuhi keperluan masyarakat Bumiputera di bandar yang tidak berkemampuan membeli rumah mahal di kawasan zon bercampur. Pada masa sama menurut-nya, kerajaan juga dapat membangunkan lebih banyak rumah mampu milik di pusat bandar sekiranya tanah NCR dibenarkan untuk pembangunan estet perumahan.

Tanah adat yang dibenarkan untuk pembangunan estet perumahan tambahnya, mungkin boleh dibangunkan perumahan untuk penjawat awam. "Saya berharap Jabatan Tanah dan Survei dapat merangka pelan bagaimana tanah NCR di bandar ditukar kepada tanah pembangunan perumahan dengan 30 peratus diperuntukkan kepada bukan Bumiputera," katanya. Beliau berkata demikian ketika membahaskan Rang Undang-Undang Perbadanan Pembangunan Perumahan (Pelesenan dan Kawalan) 2013 pada Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) semalam.

Menurut Dr Rayong lagi, pembeli rumah juga sepatut-nya membuat pembayaran selepas perumahan dibangunkan kira-kira 25 peratus manakala bayaran deposit 10 peratus dibayar selepas menerima geran tanah. "Sepatutnya tidak akan ada bayaran tempahan kerana mungkin akan menimbulkan spekulasi," ujarnya sambil menambah berlaku keadaan tidak adil kepada pembeli yang membayar wang deposit 10 peratus. Beliau turut mencadangkan agar lesen pemaju perumahan dibahagikan kepada beberapa kategori sama seperti lesen kontraktor Jabatan Kerja Raya (JKR) iaitu Kelas A untuk gred tinggi dan Kelas F kelas rendah. "Ia dapat memberi pilihan kepada pembeli untuk memilih projek perumahan mana yang mereka (pembeli) minat. "Justeru Kementerian Perumahan perlu mengkategorikan lesen pemaju perumahan," jelasnya.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2013/11/20/tanah-ncr-di-bandar-dicadang-untuk-pembangunan-perumahan/#ixzz3x0r84Xdp>

Skim Perumahan Medium ganti rumah terbengkalai di Ranggau

September 29, 2013, Sunday

LIMBANG: Isu rumah terbengkalai di kawasan Ranggau yang membelenggu penduduk hampir tujuh tahun lalu akhirnya terlerai apabila kerajaan memutuskan untuk merobohkan perumahan tersebut dan membangunkannya sebagai Skim Perumahan Medium (SPM). Menteri Perumahan dan Pelancongan Datuk Amar Abang Johari Tun Abang Openg berkata, kawasan berkenaan juga akan

dibangunkan semula dengan reka bentuk rumah lebih menarik berharga RM100,000 hingga RM200,000. Selain itu, katanya, kerajaan akan membina rumah-rumah lebih murah di Pandaruan, termasuk menempatkan pembeli rumah di Ranggau di kawasan tersebut. “Kita tidak dapat menyelesaikan masalah di Ranggau kerana reka bentuk rumah yang tidak sesuai.

Walaupun harga murah, namun dalam jangka panjang ia juga tidak dapat menyelesaikan masalah tersebut,” katanya ketika mengulas mengenai masalah rumah terbenkakai di kawasan Ranggau semalam. Beliau memberitahu, keputusan itu baharu dibuat selepas mendapat pengesahan daripada Ketua Menteri Pehin Sri Abdul Taib Mahmud. “Kita akan roboh, bangunkan dan buat perancangan semula secara menyeluruh,” katanya sambil memberitahu Ranggau akan dibangunkan berdasarkan kedudukannya yang berdekatan bandar Limbang, termasuk projek pembangunan yang disenaraikan dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11).

Jelasnya lagi, pembinaan jambatan menyeberangi Sungai Limbang juga akan dibina berhampiran dengan kawasan Ranggau. “Kawasan ini mempunyai potensi untuk dibangunkan kerana mengambil kira lokasinya berhampiran Sungai Limbang selain pembinaan dataran di sepanjang sungai terbabit,” jelasnya. Rancangan Perumahan Rakyat (RPR) Ranggau yang disifatkan seperti ‘hidup segan mati tak mahu’ dibina pada tahun 2006 dengan harga RM74,000 dan ke bawah. RPR Ranggau Fasa Tiga mempunyai sebanyak 540 unit rumah setingkat. Difahamkan sebanyak 86 unit rumah sudah dijual, manakala 454 unit lagi masih kosong dan belum terjual. Sementara itu, tinjauan Utusan Borneo semalam mendapati ada beberapa rumah didiami penduduk, manakala sebahagiannya terbiar dan retak, malah ada yang dipenuhi semak. Beberapa rumah juga didapati mempunyai banyak kesan dipercayai akibat gejala vandalisme, maksiat dan kegiatan tidak bermal.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2013/09/29/skim-perumahan-medium-ganti-rumah-terbenkakai-di-ranggau/#ixzz3x0qmsZYE>

Portal mudahkan permohonan pinjaman perumahan dilancar

October 7, 2011, Friday

KUCHING: Badan Pinjaman Perbendaharaan (BPP) melancarkan Portal Sistem Pinjaman Perumahan Bersepadu (SPPB) untuk memudahkan permohonan pinjaman perumahan bagi pemohon cukup syarat dilakukan atas talian (online). Menteri Muda Perumahan Abdul Karim Rahman Hamzah berkata sistem itu berupaya memberi kelulusan pinjaman bersyarat secara atas talian bagi membantu penjawat awam memiliki kediaman sendiri. “Portal ini untuk menyemak status permohonan, bayaran balik, bayaran kemajuan, penghantaran hak milik, baki pinjaman dan penyata tahunan mudah, cepat dan tepat oleh pemohon,” katanya di Majlis Pelancaran SPPB semalam.

Namun lebih membanggakan, SPPB dibangunkan sendiri secara dalaman tanpa melibatkan kos yang tinggi serta mengurangkan perbelanjaan kerajaan dari segi kos penyediaan dan pembangunan sistem. Karim menambah, sistem itu mesra pelanggan yang dilengkapi fungsi ‘auto complete’ yang membantu pengguna membuat kemasukan maklumat permohonan dengan cepat dan tepat yang dihantar terus ke sistem pangkalan data berpusat. Portal itu turut dilengkapi dengan kemudahan bayaran melalui perbankan internet (internet banking) bagi memudahkan pembayaran wang proses.

Terdahulu pihak BPP telah melancarkan e-Bayaran pada Mac 2009 diikuti e-Borang pada Disember 2010, diteruskan dengan penggunaan 'Perkhidmatan sistem pesanan ringkas atau SMS untuk memaklumkan kelulusan pinjaman kepada peminjam. "Pada masa itu SMS 15888 telah diperluaskan dan amat popular untuk memudahkan peminjam memeriksa status pinjaman pada bila-bila masa," katanya menambah. BPP juga telah memulakan bayaran kemajuan melalui 'Electronic Fund Transfer' (EFT) kepada pemaju yang mempunyai Housing Development Account (HDA), ujarnya. Sementara itu Setiausaha Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan Datuk Shuib Mohd Yusop dan Pegawai Kewangan Persekutuan Negeri Datu Jabidah Monseri turut hadir memeriahkan majlis.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2011/10/07/portal-mudahkan-permohonan-pinjaman-perumahan-dilancar/#ixzz3x0qbd6K5>

Peraturan baharu selari perumahan moden dikaji

September 20, 2012, Thursday

KUCHING: Kementerian Perumahan sedang mengkaji rangka undang-undang baharu yang relevan dengan pembangunan perumahan komuniti moden. Menteriya Datuk Amar Abang Johari Tun Abang Openg berkata, undang-undang perumahan sedia ada di negeri ini perlu dinilai semula kerana terdapat banyak ke-kangan telah berlaku. "Ia disebabkan cara atau pendekatan estet perumahan yang lebih baharu dengan cara hidup masyarakat yang lebih moden. Saya melihat undang-undang yang sedia ada tidak selari dengan keadaan yang sudah berubah. "Misalnya undang-undang perumahan yang kita ada, ti-dak ada peruntukan yang me-nyentuh mengenai pendekatan membangunkan perumahan komuniti berpagar dan dika-wal. Ini adalah cara baharu," katanya kepada pemberita di pejabatnya di Wisma Sultan Tengah di sini, semalam.

Menurut Abang Johari, kini banyak kawasan di Bintulu, Miri dan Kuching yang membangunkan kawasan komuniti perumahan sedemikian, bagaimanapun ia belum lagi termasuk dalam undang-undang perumahan Sarawak. Selain perumahan komuniti berpagar dan dikawal, satu lagi contoh ialah undang-undang pembangunan kediaman pangsapuri yang turut digabungkan dengan komersial, katanya. Sehubungan itu, kata beliau, kementerian akan mengadakan lawatan ke Singapura dan Queensland, Australia bagi meneliti perundangan mereka yang disifatkan mempunyai undang-undang hampir sama dengan Sarawak. "Kami sedang meneliti perkara ini dan saya akan berjumpa dengan menteri bertanggungjawab di Queensland untuk melihat undang-undang di sana dan mungkin dapat dilaksanakan di Sarawak," tegas beliau.

Bagaimanapun, kata Abang Johari, beliau sedang membuat kajian bersama jawatankuasa kementerian yang dipengerusikan Menteri Muda Perumahan Abdul Karim Rahman Hamzah bersama pihak Peguam Negeri. "Jawatankuasa akan melaporkan kepada saya, kemudian saya akan bawa kepada kabinet untuk dibincangkan dan baharulah kita akan bentangkan kepada Dewan Undangan Negeri (DUN)," katanya. Berhubung isu projek perumahan terbengkalai di Sarawak, beliau menjelaskan, ia tidak serius dan setakat ini, cuma lebih kurang empat projek terbengkalai. Katanya, perkara itu tidak begitu serius yang hanya disebabkan beberapa perkara teknikal selain keupayaan pihak pemaju yang tidak mencukupi.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2012/09/20/peraturan-baharu-selari-perumahan-moden-dikaji/#ixzz3x0qQhpCz>

Perumahan rakyat terus diperkasa

November 23, 2011, Wednesday

Kementerian kemuka permohonan peruntukan bina 19,126 unit RMM

KUCHING: Kementerian Perumahan telah mengemukakan permohonan peruntukan kepada kerajaan persekutuan dalam Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10) untuk membina sebanyak 19,126 unit Rumah Mampu Milik (RMM) di negeri ini. Menterinya Datuk Amar Abang Johari Tun Abang Openg berkata ia terdiri daripada 11,554 unit untuk di-miliki dan 7,572 unit untuk disewa. “Program ini akan kita jalankan sejajar dengan program setinggian sifar menjelang tahun 2020. “Ia juga bagi mencapai matlamat Dasar Perumahan Negara iaitu penyediaan perumahan yang mencukupi, selesa, berkualiti dan mampu dimiliki bagi meningkatkan taraf hidup rakyat,” katanya ketika menyampaikan ucapan penggulungan bagi kementerianya pada Persidangan DUN di sini, semalam. Beliau berkata tumpuan projek-projek yang dicadangkan dalam RMK-10 itu kebanyakannya di bahagian yang mempunyai ramai penduduk setinggian seperti di Miri, Bintulu dan Kuching.

Abang Johari memberitahu Kementerian Perumahan melalui Perbadanan Pembangunan Perumahan (HDC) sejak 2009 telah membina 864 unit RMM di daerah Kuching, Samarahan, Bintulu, Mukah, Song dan Kanowit. Katanya 2,000 unit rumah pangsa untuk disewa di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR Sewa) di bahagian Kuching, Sibu dan Bintulu telah dan sedang dibina Jabatan Perumahan Negara dengan nilai kos projek sebanyak RM238.5 juta. “Projek-projek ini di bahagian Kuching dan Sibu masih lagi dalam proses penawaran. Bagi projek di Bintulu pula, ia akan siap sepenuhnya pada tahun depan. “Projek-projek Rumah Mampu Milik di Kuching, Samarahan dan Mukah sejumlah 669 unit telah siap sepenuhnya dengan kos RM74,370,000 dan setakat ini telah ditawarkan kepada pemohon-pemohon yang berjaya,” katanya. Beliau menjelaskan bahawa RMM di Bintulu, Song dan Kanowit sebanyak 196 unit akan siap sepenuhnya pada hujung tahun ini dengan kos RM25,630,000.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2011/11/23/perumahan-rakyat-terus-diperkasa/#ixzz3x0qEOKPa>

MPP sedia selenggara flat taman perumahan, kata Lo

April 7, 2012, Saturday

KUCHING: Majlis Perbandaran Padawan (MPP) sedia melakukan kerja-kerja penyelenggaraan ke atas flat-flat di taman-taman perumahan di bawah bidang kuasa pihak berkuasa tempatan terbabit. Pengerusinya, Lo Khare Chiang berkata, MPP telah berbincang dengan Perbadanan Pembangunan dan Perumahan Sarawak (HDC) untuk menyelesaikan masalah penyelenggaraan itu. Bagaimanapun, katanya, sehingga sekarang belum ada reaksi daripada pihak HDC untuk menyerahkan

tanggungjawab melakukan kerja-kerja terbabit kepada MPP. “Kami (MPP) menerima ba-nyak aduan daripada penduduk-penduduk yang tinggal di flat-flat taman perumahan terbabit kerana masalah penyelenggaraan kawasan sekitar dan bangunannya tidak terpelihara. “Justeru, kami meminta pihak HDC segera menyerahkan tanggungjawab itu kepada MPP untuk melakukan kerja-kerja penyelenggaraannya,” kata Lo kepada pemberita ketika mengadakan lawatan di Flat Perumahan Taman Flora Indah, Jalan Arang, di sini semalam.

Menurutnya, antara masalah serius yang dihadapi oleh penduduk di flat-flat terbabit ialah penyelenggaraan sistem saluran najis, perparitan, alat pemadam kebakaran dan sebagainya. Justeru, katanya, masalah-masalah itu telah mengundang rasa ketidakpuasan dan ketidakselesaan para penghuni rumah-rumah pangsa terbabit. “Kita berharap pihak HDC memberi ‘lampu hijau’ kepada MPP untuk menyelesaikan masalah-masalah itu (penyelenggaraan) bagi menjamin keselamatan dan kebersihan para penduduk di rumah-rumah pangsa,” katanya.

Lo menarik perhatian bahawa MPP mempunyai peruntukan yang besar untuk menyelenggarakan flat-flat taman perumahan di dalam kawasan pentadbirannya. “Kami memiliki geran per-untukan berjumlah RM12 juta daripada kerajaan persekutuan untuk tujuan pembangunan di kawasan-kawasan bidang kuasa MPP,” katanya sambil berharap HDC dapat segera menyelesaikan masalah itu. Menurut Lo, penyelenggaraan bangunan dan kawasan sekitar rumah-rumah pangsa terbabit yang tidak teratur menyebabkan MPP menanggung masalah keengganan para penghuni rumah terbabit membayar cukai atau sewa mereka.

Sehubungan itu, katanya, MPP juga telah berbincang dengan HDC untuk membuka kaunter di flat taman-taman perumahan terbabit agar mudah penduduk membayar taksiran mereka. “Justeru, kami benar-benar berharap agar HDC dapat segera menyelesaikan masalah penyelenggaraan di flat-flat taman perumahan agar penduduk-penduduk berasa selesa,” katanya.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2012/04/07/mpp-sedia-selenggara-flat-taman-perumahan-kata-lo/#ixzz3x0q15DAS>